## 1.0 SKOP

Garis panduan ini menerangkan permohonan alatan penyelidikan yang tidak mendapat dana untuk penyelenggaraan/penentukuran dari RMC.

## 2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| JKPPP | : | Jawatankuasa Penyelenggaraan Peralatan Penyelidikan |
| JKTD | : | Jawatankuasa Penyelenggaraan Tentukuran Dalaman |
| TDPA | : | Timbalan Dekan Penyelidikan dan Antarabangsa |
| TP | : | Timbalan Pendaftar |
| Pengerusi JK | : | Pengerusi Jawatankuasa |
| PTJ | : | Pusat Tanggungjawab |
| PYB | : | Pegawai Yang Bertanggungjawab (yang ditugaskan oleh PTJ) |
| FPSK | : | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| JPF | : | Jawatankuasa Pengurusan Fakulti |

## 3.0 PANDUAN

| Bil | Tindakan | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| | **A - PERMOHONAN PERBELANJAAN PERALATAN PENYELIDIKAN LULUS** | |
| 1. | Notis permohonan kelulusan alatan penyelidikan penyelenggaraan/penentukuran dari pihak RMC. | Dekan/TDPA/TP/<br>Pengerusi JK<br>i. JKPPP<br>ii. JKTD |
| 2. | Permohonan alatan penyelidikan/penentukuran dibuka kepada jabatan mengikut tempoh yang ditetapkan (kenalpasti peralatan penyelidikan memerlukan penyelenggaraan/penentukuran). | PYB makmal /Ketua Jabatan |
| 3. | Terima dan menyemak permohonan senarai peralatan penyelidikan penyelenggaraan/penentukuran dari jabatan. | i. JKPPP<br>ii. JKTD |

| Bil | Tindakan | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| 4. | Senarai permohonan penyelenggaraan dan penentukuran dimajukan kepada pihak RMC melalui TDPA FPSK. | Pengerusi JK |
| 5. | Proses penilaian oleh pihak RMC. | Pengerusi Jawatankuasa (bersedia untuk memberi justifikasi/bukti) |
| 6. | Menerima surat kelulusan peruntukan penyelenggaraan/ penentukuran peralatan penyelidikan dari pihak RMC.<br><br>Kriteria kelulusan pengagihan Dana Penyelidikan RMC adalah merujuk kepada status berikut:<br><br>i) Peralatan makmal yang melibatkan Akta dan keperluan keselamatan pengguna;<br>ii) Peralatan makmal dari makmal yang sudah mendapat akreditasi;<br>iii) Peralatan makmal yang satu-satunya terdapat di UPM dan menjana pendapatan;<br>iv) Alat yang rosak (jika tidak dibaiki akan mengganggu kelancaran penyelidikan)/Penyelenggaraan berkala (tahun semasa) antaranya adalah;<br><br>• Peralatan makmal yang menjana pendapatan @<br>• Peralatan makmal yang menyumbang kepada penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi @<br>• Peralatan makmal berteknologi tinggi yang sangat tinggi penggunaan yang digunasama di dalam UPM (tertakluk kepada jumlah peruntukan pada tahun semasa).<br><br>* Keutamaan adalah peralatan makmal berharga RM50,000 dan ke atas. | Dekan/TDPA/TP |
| 7. | Menerima senarai yang diluluskan untuk pelaksanaan penyelenggaraan/baikpulih/penentukuran peralatan penyelidikan. | Ahli Jawatankuasa<br>JKPPP<br>JKTD |

| Bil | Tindakan | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| 8. | Pelaksanaan kerja penyelenggaraan/penentukuran peralatan penyelidikan sehingga selesai. | PYB makmal |
| 9. | Lapor perbelanjaan kepada pihak RMC. | Pengerusi JKPP/JKT |
| | **B – PERMOHONAN PERBELANJAAN PERALATAN PENYELIDIKAN YANG TIDAK LULUS**<br><br>**(PERALATAN PENYELIDIKAN YANG TIDAK MENDAPAT BAJET PENYELENGGARAAN/PENENTUKURAN)** | |
| 1. | Surat permohonan rayuan penyelenggaraan/penentukuran daripada jabatan/unit kepada pengerusi JK. Jika tiada permohonan dari jabatan bermaksud tiada peralatan penyelidikan yang kritikal untuk diselenggara/ditentukur. | PYB makmal |
| 2. | Menyemak senarai permohonan yang tidak diluluskan dan surat rayuan PYB/jabatan serta memajukan permohonan kepada RMC. Permohonan rayuan penyelenggaraan/penentukuran bagi alatan berstatus seperti berikut;<br><br>i) Alatan tidak lulus dana penyelenggaraan/penentukuran.<br>ii) Pertukaran alatan bagi menggunakan baki peruntukan penyelenggaraan/penentukuran (tahun semasa) merujuk kepada senarai permohonan asal. (Kenalpasti peralatan penyelidikan kritikal yang memerlukan penyelenggaraan/penentukuran).<br><br>***Kriteria peralatan kritikal berdasarkan status berikut;**<br>• *High impact project* yang selari dengan Pelan Strategik Penyelidikan Fakulti 2021-2028<br>• Kekerapan penggunaan alat<br>• Kekerapan penyelenggaraan pada satu masa<br>• Tempoh penggunaan peralatan dalam projek yang digunakan | Pengerusi JK |

| Bil | Tindakan | Tanggungjawab |
|---|---|---|
| 3. | Buat penilaian peralatan penyelidikan kritikal merujuk kepada terma peralatan kritikal. | i.JKPPP<br>ii.JKTD |
| 4. | Jika dapat kelulusan RMC, proses penyelenggaraan/penentukuran peralatan penyelidikan boleh dilaksanakan. | PYB makmal |
| 5. | ***Jika tidak lulus permohonan rayuan penyelenggaraan/penentukuran peralatan penyelidikan RMC**<br>- Jawatankuasa mencadangkan kepada pihak jabatan/unit untuk membuat permohonan penyelenggaraan/penentukuran peralatan penyelidikan. Ketua Jabatan/Unit/PYB makmal perlu menyediakan kertas kerja permohonan peruntukan penyelenggaraan/penentukuran peralatan penyelidikan kepada Jawatankuasa Penyelenggaraan Peralatan Penyelidikan (JKPPP) dan Jawatankuasa Tentukuran Dalaman (JKTD) melalui Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan & Antarabangsa (TDPA FPSK) untuk dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Fakulti (MPF). Ketua Jabatan/Penyelaras Unit Makmal perlu membentangkan kerja cadangan tersebut. | i.Ketua Jabatan/Penyelaras Unit Makmal & TDPA FPSK |
| 6. | Keputusan kertas kerja permohonan peruntukan penyelengga raan/penentukuran peralatan penyelidikan bergantung kepada pertimbangan Jawatankuasa Pengurusan Fakulti (JPF) | JPF |

<table>
<tr><td rowspan="4"></td><td rowspan="3">PERALATAN PENYELIDIKAN<br><br>PEJABAT TIMBALAN DEKAN PENYELIDIKAN DAN ANTARABANGSA (TDPA)<br>FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN</td><td>Halaman: 1/6</td></tr>
<tr><td>No. Semakan:01</td></tr>
<tr><td>No. Isu: 01</td></tr>
<tr><td>GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERBELANJAAN PENYELENGGARAAN/PENENTUKURAN ALATAN PENYELIDIKAN</td><td>Tarikh: 20/3/2024</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Tindakan</th><th>Tanggungjawab</th></tr>
<tr><td></td><td>


</td><td>Dekan/TDPA/TP/<br>Pengerusi JK<br>i. JKPPP<br>ii. JKTD<br>Pemohon<br>PYB Makmal<br><br>Pemohon/KJ<br>PYB Makmal<br>Pengerusi JK<br>i. JKPPP<br>ii. JKTD<br><br>Pemohon/KJ<br>PYB Makmal<br>Pengerusi JK<br>i. JKPPP<br>ii. JKTD</td></tr>
</table>